

NO. SOALAN : 151

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,

PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG
[SEGAMBUT]**

TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta PERDANA MENTERI menyatakan cadangan untuk meminda undang-undang supaya beban untuk membuktikan tidak bersalah terletak pada pihak polis bagi kes-kes kematian, keseksaan dan serangan seksual dalam tahanan. Bilakah ia akan dilaksanakan?

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Buat masa ini, tiada cadangan untuk meminda undang-undang supaya beban untuk membuktikan tidak bersalah terletak pada pihak polis bagi kes-kes kematian, keseksaan dan serangan seksual dalam tahanan.
2. Ini kerana peruntukan undang-undang yang sedia ada adalah mencukupi untuk mendakwa dan menghukum mana-mana anggota polis yang terlibat dalam kes-kes sedemikian.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN:152

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN R. SIVARASA [SUBANG]

TARIKH : 24 MEI 2016

RUJUKAN : 9174[Pertanyaan di bawah PM.22 (5)]

SOALAN:

Tuan R. Sivarasa [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan terhadap pegawai-pegawai polis yang telah didapati melakukan salah laku mereka cipta rekod-rekod lokap dalam dua kes mangsa yang dibunuh dalam lokap polis iaitu Kugan a/l Ananthan dan Dharmendran a/l Narayasamy.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) tidak berhasrat untuk mengulas lebih lanjut kedua-dua perkara ini kerana dikhuatiri boleh mengganggu proses perbicaraan yang sedang berlangsung di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan.

SOALAN NO. 153

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN PM 22 (5)**

DARIPADA : **YANG BERHORMAT TUAN TEO KOK SEONG
[RASAH]**

TARIKH : **24 MEI 2016**

SOALAN :

YB Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta Perdana Menteri menyatakan secara terperinci:-

- a. jumlah perbelanjaan yang terlibat untuk mengadakan mesyuarat cabinet di Kuching pada 4 Mei 2016.
- b. mengapakah kerajaan mengadakan mesyuarat kabinet di Kuching walaupun kos pengangkutan dan penginapan kepada semua yang terlibat adalah amat tinggi.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan yang terlibat bagi mengurus setia Mesyuarat Jemaah Menteri di Kuching pada 4 Mei 2016 adalah sebanyak **RM31,217**.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, amalan penganjuran Mesyuarat Jemaah Menteri sekali-skala di luar Putrajaya bukan sesuatu yang baru. Jemaah Menteri pernah mengadakan mesyuaratnya di Kuantan Pahang pada tahun 2011 dan di Pulau Langkawi pada tahun 2001. Penganjuran Mesyuarat Jemaah Menteri di Kuching, Sarawak pada 4 Mei 2016 adalah untuk mengoptimumkan penggunaan peruntukan Kerajaan bagi membiayai kos pengangkutan dan penginapan kerana kebanyakan Ahli Jemaah Menteri sedang menjalankan tugas rasmi turun padang memantau pelaksanaan projek dan memberi penjelasan kepada rakyat mengenai program di bawah kuasa kementerian dan agensi masing-masing. Selain itu, kehadiran Ahli-Ahli Jemaah Menteri di Sarawak juga turut dimanfaatkan dengan membantu menyelesaikan permasalahan dan isu-isu yang dibangkitkan oleh rakyat di peringkat akar umbi.

Sekian, terima kasih.